

Dekotaman

rencana@hmetro.com.my

Pengarang: Yaacob Abdul Rahim
Penolong Pengarang: Hartini Mohd Nawi

Tel: 1-300-22-NSTP (6787) samb: 4759



Faks: 03-20567083/7084

Keunikan Kew Gardens

Kew Gardens di London yang berkeluasan 130 hektar mempunyai lebih 50,000 spesies tanaman.

Ia turut memiliki beberapa bangunan terkenal seperti Pagoda, Temperate House dan Palm House.

Segenap sudut taman menyajikan pemandangan luar biasa. Sesekali berada di taman ini memberi peluang kepada anda untuk meneroka keunikannya.



Oleh Hartini Mohd Nawi
hartini@hmetro.com.my

Sarat dengan nilai estetika dan falsafah binaan membuat setiap rumah tradisional Melayu sering dikaitkan dengan sejarah tersendiri.

Dalam usaha mempertahankan keunikan itu, Muzium Seni Warisan Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, kini mempunyai empat rumah tradisional sebagai perkongsian maklumat untuk tatapan masyarakat negara ini.

Menurut Pengarangnya Dr Muhammad Pauzi Abd Latif, antara peranan muzium itu ialah menjalankan penyelidikan berkaitan warisan dan budaya masyarakat Melayu.

"Selain memamerkan artifikat berkaitan warisan Melayu, kami berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai khazanah tidak ternilai itu."

"Rumah Datuk Raja Diwangsa Muhammad Yunus Jabar yang dibina pada tahun 1935 di Kampung Merual, Negeri Sembilan, umpamanya menampilkan seni bina beranjung dengan tebar layar bertingkat tiga."

"Ia dilihat signifikan dengan rumah pembesar istana kira-kira tiga kilometer dari Istana Seri Menanti," katanya.

Malah, rumah itu ada enam tiang gantung tidak menjelak bumi, antara ciri yang hanya boleh digunakan pada rumah pembesar Negeri Sembilan.

Mempunyai lima bahagian utama iaitu angung tempat menerima tetamu dan bermesyuarat bagi ketua masyarakat manakala ruang serambi tempat meraikan serta menjamu tetamu.

"Kerja pemindahan rumah Datuk Raja Diwangsa atau dikenali sebagai Tok Tonso ini ke Muzium Seni Warisan bermula pada Februari 2013 dan siap Mei

■ SENI BINA TRADISIONAL

SARAT DENGAN FALSAFAH, ESTETIKA

Setiap rumah dipamerkan di Muzium Seni Warisan UPM ada kelebihan tersendiri



RUMAH Datuk Raja Diwangsa menampilkan seni bina beranjung dengan tebar layar bertingkat tiga.

tahun sama.

"Pembinaan semula agak rumit kerana banyak bahagian rumah sudah musnah atau hilang dan pihak muzium perlu membeli dua rumah lama lagi untuk mendapatkan bahagian seperti pintu, tingkap serta dinding."

"Ia bagi membina semula rumah ini menama reka bentuk asalnya," katanya.

Kediaman kedua membatikan rumah Uda Noh Kanda Jaafar yang dibina pada tahun 1901 di pinggir Sungai Perak, Kampung Pendiat, Bota Kanan.

Rumah pendekar itu memperlihatkan seni bina kutai iaitu antara seni bina rumah terawal di negeri berkenaan kira-kira 60 kilometer dari Bukit Chandan, tempat bersemayam Sultan Perak.

Ia dibina dengan mengambil kira pelbagai aspek keselamatan seperti lubang senjata di sisi pintu, ruang persembunyian, tangga curam dan selak pintu yang kukuh selain menggunakan kayu cengal.

"Apabila dipasang semula di muzium ini hanya bahagian lantai digantikan dengan kayu baru selain atap menggunakan material onduline."

"Ia atap keluaran tempat yang diperbuat daripada bahan campuran getah dan bitumen. Ia didapati menyerap haba, lebih kedap bunyi dan kalis api."

"Rumah ini 'dibuka' semula pada November 2013




BAHAGIAN depan rumah serambi Pahang yang terus menghubungkan dengan balai.



AURA tradisional pada binaan tingkap dan langsir rumah tradisional Negeri Sembilan.

RUANG dalam rumah Uda Noh Kanda Jaafar unik dan klasik.



“Selain mempamerkan artifak berkaitan warisan Melayu, kami berusaha meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai khazanah tidak ternilai itu”

Dr Muhammad
Pauzi

dan siap dipasang sepenuhnya di muzium pada Februari 2014,” katanya.

Tidak ketinggalan rumah Wan Muda Wan Hassan yang dibina sekitar tahun 1860-an di pesisir laut Kampung Tanjung, Kuala Terengganu turut menarik perhatian sesiapa saja yang berkunjung ke muzium berkenaan.

Rumah juragan yang membabitkan seni bina kediaman bujang berselasar ini turut dikenali rumah tiang seribu.

Proses pembinaannya menggunakan sistem

tanggam dan pasak tanpa paku besi.

“Dindingnya jenis janda berhias dan atap singgora iaitu sejenis atap yang diperbuat daripada tanah liat dan banyak digunakan di negeri pantai timur Semenanjung Malaysia.

“Ia terdiri daripada dua ruang, iaitu selasar (serambi) dan rumah ibu. Bahagian lantai menggunakan pasak, sama dengan sistem pembinaan ‘badan’ sampan dan kapal tradisional.

“Diserahkan pada Mac

2014 dan siap dipasang semula di Muzium Seni Warisan pada April tahun sama,” katanya.

Mengelengkapkan ruang yang ada, Rumah Serambi Pahang milik Allahyarham Ismail Khatib Bakar iaitu penghulu Mukim Kelok Jerantut, Pahang.

“Rumah ini cukup istimewa kerana selama kami terbabit mencari rumah lama, inilah satu-satunya yang mempunyai balai dan struktur kayunya masih utuh walaupun berusia 91 tahun.



PROSES pembinaan rumah Terengganu ini menggunakan sistem tanggam dan pasak, tanpa paku besi.



NILAI estetika pada bahagian dalaman dan siling benar-benar menarik perhatian.



RUMAH tradisional
Terengganu ini turut dikenali sebagai rumah tiang seribu.

Info



Muzium Seni Warisan UPM

■ Dibuka Isnin hingga Jumaat bermula 10 pagi hingga 5 petang

■ Sabtu dan Ahad dibuka bergantung kepada tempahan.

“Ia ada bahagian balai, serambi, rumah induk sebagai ruang privasi keluar-ga dan dapur.

“Selain dipasang secara pasak tanpa paku, tiada pengubahsuaian dilakukan kecuali bahagian dapur.

“Proses buka dan bina semula rumah itu bermula sepenuhnya pada Februari lalu dan siap untuk dikunjungi pada April lalu,” katanya yang begitu mengagumi seni bina Melayu apabila binaannya mengambil kira situasi jangka panjang.